

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

PRAPENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012

21/1

SEJARAH

Kertas 1

Ogos 2012

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Senarai berikut berkaitan dengan pengkajian sejarah.

- Sumber belum diolah
- Bersifat asli dan belum ditafsir

Apakah kaitan maklumat di atas dengan sumber sejarah?

- A Sumber pertama
- B Sumber kedua
- C Sumber ketiga
- D Sumber bertulis

2 Maklumat berikut berkaitan dengan kepercayaan masyarakat prasejarah.

- Animisme
- Mengamalkan upacara perkuburan

Masyarakat prasejarah manakah yang mengamalkan kepercayaan di atas?

- A Masyarakat Paleolitik
- B Masyarakat Mesolitik
- C Masyarakat Neolitik
- D Masyarakat Zaman Logam

3 Dialog di bawah berkaitan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara.

Badur : Banyak hasil ubi taro dan padi huma awak.
Bacuk : Saya lihat ternakan awak juga membiak-biak.


Dalam kerajaan manakah dialog di atas mungkin dituturkan?

- A Kerajaan Champa
- B Kerajaan Chih Tu
- C Kerajaan Kedah Tua
- D Kerajaan Angkor

4 Apakah keuntungan yang diperoleh Melaka hasil hubungannya dengan kerajaan China?

- A Melaka bersetuju memberi ufti kepada China
- B Siam dan Majapahit tidak menyerang Melaka
- C Meluaskan perdagangan Melaka
- D Melaka menguasai Selat Melaka

5 Gambar di bawah hasil penemuan pada zaman pemerintahan Sultan al-Mutawakil.




Duit perak

Apakah maklumat penting berkaitan dengan penemuan duit perak tersebut?

- A Kepesatan perdagangan di pelabuhan Melaka
- B Lembah Bujang menjadi pelabuhan entrepot
- C Aceh sebagai pusat perdagangan
- D Kedah sebagai pusat pertemuan pedagang

6 Peta di bawah berkaitan dengan kedudukan pelabuhan Melaka.



Bagaimanakah Melaka dapat dikaitkan sebagai pusat perdagangan bertaraf dunia?


- A Pentadbiran yang cekap
- B Terletak di Asia Tenggara
- C Terletak di tengah-tengah jalan perdagangan
- D Kemudahan pelabuhan yang lengkap untuk pedagang

[Lihat halaman sebelah

7 Apakah peristiwa yang menunjukkan kelemahan kepimpinan semasa kejatuhan Melaka?

- A Kedatangan Portugis di Melaka
- B Penggunaan senjata tradisional
- C Askar upahan melarikan diri dari Melaka
- D Pembunuhan Tun Mutahir tanpa usul periksa


8 Rajah di bawah tentang peranan Melaka.



Mengapakah para pemimpin kerajaan di atas memeluk agama Islam?

- I Melalui pendakwah agama Islam
 - II Menjamin keselamatan negeri
 - III Taat setia yang tidak berbelah bahagi
 - IV Melalui perkahwinan pembesar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9 Rajah di bawah berkaitan dengan sejarah kejatuhan Melaka.



Mengapakah Melaka diserang?


- I Hasutan oleh pedagang Jawa dan Gujerat
 - II Maklumat yang disampaikan oleh Si Kitol
 - III Menolak tuntutan pembebasan tawanan Portugis
 - IV Tidak membenarkan Portugis membina kubu di Melaka
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Pernyataan berikut berhubung penglibatan Bugis dalam kerajaan Johor.

Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV membuat pakatan dengan anak raja Bugis lima bersaudara.

Apakah tujuan pakatan ini dibuat?

- A Mengusir Raja Kechil untuk mendapat semula kuasa kerajaan Johor
 B Meningkatkan hubungan diplomatik antara negeri Johor dan Bugis
 C Menguatkan kuasa ketenteraan kerajaan Johor-Riau
 D Menentang penjajahan oleh kuasa Belanda di Johor
- 11 Rajah berikut berkaitan dengan pentadbiran kerajaan Johor.



Siapakah X?

- A Bendahara
 B Laksamana
 C Temenggong
 D Seri Nara Diraja
- 12 Jadual di bawah berkaitan dengan kerajaan Melayu Tua.


Negeri	Maklumat
Pahang	Sultan Muhammad Shah Ibni Sultan Mansor Shah
Perak	Sultan Muzaffar Shah Ibni Sultan Mahmud Shah

Apakah persamaan antara negeri Pahang dan negeri Perak?

- A Kedua-duanya pernah dikuasai oleh Siam
 B Mempunyai hubungan diplomatik dengan Melaka
 C Mewarisi sistem pemerintahan negeri Melaka
 D Membantu Melaka mengalahkan Portugis

[Lihat halaman sebelah

13 Gambar di bawah ialah peralatan tradisional masyarakat Melayu.



Apakah kegunaan utama peralatan di atas?

- A Menjerat binatang
- B Menangkap ikan
- C Menanam padi
- D Majlis perkahwinan

14 Pernyataan di bawah tentang kebudayaan penduduk Sarawak.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sarawak kaya dengan kebudayaan dan kesenian• Adat resam penduduk Sarawak yang menarik |
|--|

Apakah nilai yang perlu kita amalkan berdasarkan pernyataan tersebut?

- A Menghargai keindahan dan warisan budaya
- B Memonopoli kebudayaan tempatan kita
- C Mempelbagaikan warisan etnik dan kaum
- D Memperkenalkan budaya lain yang baik

15 Maklumat di bawah berkaitan Orang Bajau.

Orang Bajau
<ul style="list-style-type: none">• Penyelam yang mahir• X

Apakah X?

- A Mengutip hasil hutan
- B Pemetik kelapa laut
- C Penanam padi huma
- D Memungut hasil laut

- 16 Senarai di bawah merupakan perkara yang dituntut oleh pihak Siam daripada sultan Kedah pada akhir kurun ke - 18.

- Wang
- Bunga emas
- Tenaga manusia

Apakah tindakan sultan Kedah terhadap tuntutan tersebut?

- A Memenuhi semua tuntutan pihak Siam
 - B Menjalin hubungan baik dengan Burma
 - C Meminta perlindungan daripada Belanda
 - D Mendapatkan bantuan tentera daripada SHTI
- 17 Maklumat di bawah menunjukkan Perjanjian Inggeris – Belanda 1824.

Perjanjian Inggeris – Belanda 1824 telah menamatkan persaingan antara British dengan Belanda untuk menguasai Kepulauan Melayu.

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A Belanda tidak berupaya mengatasi kekuatan tentera British
 - B Kuasa-kuasa barat hanya mementingkan diri mereka sendiri
 - C Pembahagian kuasa British dan Belanda di Kepulauan Melayu
 - D Perebutan takhta di negeri-negeri Melayu dapat diselesaikan
- 18 Maklumat berikut merupakan tindakan Raja Abdullah di Perak.

Apabila Raja Ismail dilantik sebagai Sultan Perak, Raja Abdullah tidak berpuas hati lalu meminta bantuan British.

Apakah bantuan yang diminta daripada kerajaan British?

- A Merayu bantuan tentera daripada British
- B Memohon British mengiktirafnya sebagai sultan
- C Meminta pihak British menyerang Sultan Ismail
- D Mendesak British membekalkan senjata peperangan

[Lihat halaman sebelah


19 Jadual di bawah merujuk kepada perubahan pentadbiran British di London.

Tahun	Peristiwa
1873	Parti Konservatif → Parti Liberal

Apakah kesannya terhadap Tanah Melayu ?

- A British campur tangan secara langsung
- B Pertambahan bilangan pegawai British
- C Perpaduan kaum di Tanah Melayu diutamakan
- D Corak pentadbiran tradisional Melayu dihapuskan

20 Rajah di bawah tentang kritikan Sultan Idris terhadap British.



Apakah X ?

- A Pemusatan kuasa raja ditangan Residen Jeneral
- B Penggubalan perlembagaan negeri Selangor
- C Pembentukan pentadbir jemaah menteri
- D Pentadbiran tradisional dimantapkan

21 Garis masa berikut menerangkan peristiwa kemasukan British ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.



Apakah kejayaan pihak British di Terengganu pada tahun 1919?

- A Menyingkirkan sultan Terengganu
- B Menguatkan ketenteraan Terengganu
- C Menempatkan penasihat di Terengganu
- D Menggubal perlembagaan Terengganu

22 Maklumat di bawah merujuk kepada negeri Johor.

Johor mengekalkan kedaulatannya sehingga tahun 1914

Apakah tindakan yang telah diambil oleh sultan Johor sebelum jatuh ke tangan British?

- I Menguatkan angkatan bersenjatanya
 - II Mempunyai pemimpin bersikap sederhana dalam perbelanjaan
 - III Menandatangani perjanjian persahabatan dengan British
 - IV Melaksanakan sistem birokrasi moden dalam pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


23 Jadual di bawah berkaitan dengan tindakan James Brooke di Sarawak.

Tahun	Peristiwa	Kesan
1841	X	James Brooke memerintah Sarawak

Apakah X?

- A Membantu Brunei menghapuskan pemberontak
- B Marah dan membedil bandar Kuching
- C Mengiktiraf pemimpin tempatan memerintah
- D Menghapuskan undang-undang bumiputera

24 Rajah di bawah merujuk kepada dasar pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak.



Dasar X ialah.....

- A pecah dan perintah
- B penumpuan bidang
- C pembahagian ekonomi
- D pengkhususan pekerjaan

[Lihat halaman sebelah

25 Pernyataan di bawah merujuk kepada pemerintahan Brunei di Sarawak.

Sebelum tahun 1827 kerajaan Kesultanan Melayu Brunei mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam pentadbiran Sarawak.

Mengapakah dasar ini diubah kepada dasar campur tangan?

- A Bimbang Sarawak dikuasai Sultan Sulu
- B Bimbang Sarawak membebaskan diri
- C Untuk menguasai kekayaan Sarawak
- D Untuk mengehadkan kemasukan buruh Cina

26 Rajah di bawah berkaitan mahkamah di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

Mahkamah	Mahkamah Majistret	Mahkamah Anak Negeri
Bidang Kuasa	Mengendalikan kes-kes berat seperti kes pembunuhan, penculikan dan rompakan	Mengendalikan kes-kes peribumi yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan hukum adat.
Hakim	Dihakimi oleh X	Hakim dilantik daripada kalangan Ketua Anak Negeri yang arif dalam bidang agama Islam dan adat.

Siapakah X ?

- A Gabenor
- B Pegawai Daerah
- C Setiausaha Kerajaan
- D Residen

27 Gambar di bawah berkaitan dengan sistem pentadbiran negeri Sabah.



O.K.K Haji Mohamad Arshad

Apakah tugas Orang Kaya-kaya (O.K.K) di Sabah?

- A Membantu pentadbir di peringkat residensi dalam pentadbiran Sabah
- B Menjaga keselamatan kampung dan membantu memajukan perdagangan
- C Memberi lesen untuk menebang kayu balak di kawasan pedalaman
- D Menguruskan pembahagian tanah, mengutip cukai dan memajukan pertanian

28 Gambar berikut menerangkan aktiviti ekonomi di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).




Apakah hasil tradisional yang dikenakan cukai?

- A Rumbia, pokok lanut, hasil rotan dan getah asli
- B Sarang burung, hasil rotan, rumbia dan abaka
- C Pokok lanut, tebu, rumbia dan sarang burung
- D Hasil rotan, pokok lanut, rumbia dan getah asli

[Lihat halaman sebelah


29 Graf di bawah menunjukkan pengeluaran getah di Tanah Melayu.



Mengapakah keluasan ladang getah bertambah dalam tempoh tersebut?

- A Perkembangan perusahaan motokar di Eropah dan Amerika Syarikat
- B Syarikat-syarikat Jepun menanam modal untuk membuka ladang
- C Kerajaan British menaikkan kadar cukai tanah kepada pemodal asing
- D Penduduk tempatan tidak berminat dalam perusahaan getah

30 Peta di bawah menerangkan jaringan jalan raya di Tanah Melayu pada tahun 1939.



Apakah matlamat pembinaan jalan raya pada masa itu?

- A Membawa bekalan beras dari kawasan jelapang padi
- B Mendapatkan sokongan daripada penduduk tempatan
- C Memudahkan pentadbiran British untuk kepentingan mereka
- D Mengangkut bekalan air minuman ke kawasan pedalaman

- 31 Apakah tujuan Kolej Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan pada tahun 1905?
- A Memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak raja dan bangsawan Melayu
 - B Melatih penduduk tempatan ke arah pemerintahan berkerajaan sendiri
 - C Memberi peluang untuk menjadi pengurus di ladang-ladang getah
 - D Pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke maktab perguruan di Tanah Melayu
- 32 Pada tahun 1832, British telah mengeluarkan Surat Pelekat kepada penduduk Naning. Mengapakah British berbuat demikian?
- A Mengarahkan penduduk supaya bekerjasama dengan Belanda
 - B Memberitahu penduduk supaya mendapatkan senjata dari Rembau
 - C Memberi perlindungan kepada orang Naning yang terlibat dengan perang
 - D Memberi amaran kepada penduduk supaya tidak terlibat dalam perang Naning
- 33 Maklumat di bawah tentang negeri Sarawak.

Sharif Masahor berpakat dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur dari Kuching untuk mengusir James Brooke dari Sarawak.

Apakah faktor kebangkitan Sharif Masahor di Sarawak?

- A James Brooke melucutkan kuasa Sharif Masahor di Sarikei
 - B Tindakan sultan Brunei menyerang Sarawak pada tahun 1855
 - C Penubuhan pasukan Sarawak Rangers oleh sultan Brunei
 - D Datu Patinggi Abdul Ghapur merampas wilayah Sungai Rajang
- 34 Akhbar Utusan Melayu mula diterbitkan pada tahun 1939. Apakah matlamat penerbitannya?
- I Menggalakkan orang Melayu berhijrah ke bandar
 - II Menubuhkan persatuan untuk perjuangkan nasib bangsa
 - III Menggesa orang Melayu meningkatkan taraf ekonomi
 - IV Meminta penduduk supaya berperang dengan British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 35 Sajak di bawah antara yang pernah disiarkan dalam akhbar sebelum Perang Dunia Kedua.

Tenaga Kaumku

Hai! Hai! Kaumku yang merana Carilah lekas jalan berguna Gunakan tenagamu barang di mana Supaya dipandang oleh kaum Barat yang bijaksana	menandingi Dengan sebab itu singkaplah tirai yang menandinginya Tenaga kaumku bukannya lemah Sama juga seperti kaum yang berhemah Boleh bekerja dan berumah Apa lagi melebur timah
Barat dan Timur tidak ada bezanya Kesedaran juga yang membatasnya Kemajuan yang sama	

Dipetik daripada:
Harun Aminurrashid, 1929,
Tenaga Kaumku, Kuala Lumpur

Apakah tema puisi di atas?

- A Menyuburkan perasaan cinta akan bangsa dan negara
 - B Berperang dengan Jepun sebagai pejuang bangsa
 - C Mengajak rakyat supaya tidak melupakan budaya Melayu
 - D Menulis puisi sebagai sumber pendapatan sampingan
- 36 Maklumat di bawah menerangkan faktor kejayaan Jepun menguasai Tanah Melayu.

Kejayaan tentera Jepun menakluki negara kita dalam waktu yang singkat

Apakah faktor kejayaan tersebut?

- A Pakatan Jepun dengan pihak British
 - B Strategi peperangan Jepun yang baik
 - C Askar British yang berpaling tadah
 - D Tiada bantuan daripada kuasa Berikat
- 37 Maklumat di bawah tentang pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.

Dasar Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu

Mengapakah dasar pemerintahan Jepun sering berubah-ubah?

- A Untuk memenuhi kehendak penduduk
- B Untuk mengelirukan pihak musuh Jepun
- C Untuk mencapai matlamat pemerintahan
- D Untuk menutup sebarang kelemahannya

38 Pernyataan di bawah menunjukkan reaksi penduduk tempatan terhadap pendudukan Jepun.

- Memulaukan barangan Jepun
- Memungut derma untuk membantu negara asal mereka

Apakah kesan tindakan mereka yang melakukan perkara di atas?

- A Dilayan secara kasar
- B Berjaya membebaskan negara mereka
- C Ramai yang menjadi ejen Jepun
- D Balik ke negara asal mereka


39 Maklumat di bawah menerangkan tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942 - 1945

Apakah pengajaran daripada pendudukan Jepun di negara kita?

- A Berhati-hati dengan kuasa besar dunia
- B Berusaha dengan gigih untuk mencapai sesuatu
- C Kemerdekaan perlu diisi dengan berfaedah
- D Kita perlu menolak semua bentuk penjajahan

40 Rajah di bawah menunjukkan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Apakah tujuan Pentadbiran X dilaksanakan?

- A Menjalankan prinsip *jus soli*
- B Menghapuskan penguasaan komunis
- C Penguasaan sumber ekonomi oleh British
- D Pengawalan kemasukan golongan imigran

[Lihat halaman sebelah

- 41 Maklumat di bawah berkaitan dengan perjuangan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Cogan Kata UMNO	Tahun
Hidup Melayu	1946

Mengapakah UMNO memilih cogan kata di atas?

- A Menyeru meningkatkan ekonomi orang Melayu
 - B Menghidupkan semangat dan maruah mereka
 - C Menyatukan kaum-kaum di Tanah Melayu
 - D Memupuk perpaduan penduduk Tanah Melayu
- 42 Maklumat di bawah tentang Persekutuan Tanah Melayu.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948
--

Apakah kejayaan penting penubuhan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Mengembalikan kedudukan politik penduduk tempatan
- B Berjaya menggagalkan usaha British menguasai Tanah Melayu
- C Perpaduan penduduk terjalin untuk mencapai kemerdekaan
- D Kejayaan penduduk bagi menentang kekejaman komunis

- 43 Bagaimanakah fahaman komunis disebarkan dalam kalangan orang Cina di Tanah Melayu?

- I Pujuk dan rayu
- II Kelas malam
- III Bahan penerbitan
- IV Ahli keluarga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 44 Maklumat di bawah menunjukkan langkah menentang komunis.

Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan

Mengapakah Sir Gerald Templer mengambil langkah di atas untuk menentang komunis?

- A Mengajak rakyat untuk menyambut kemerdekaan
- B Membolehkan orang Cina dan India menjadi warganegara
- C Membuka perhubungan yang lebih baik dalam kalangan rakyat
- D Memberi laluan kepada golongan imigran mendapat dua kerakyatan

45 Jadual di bawah menunjukkan maklumat tentang Pertemuan Baling.

Pertemuan Baling 1955	
Wakil Kerajaan Tanah Melayu	Wakil Parti Komunis Malaya (PKM)

Mengapakah pertemuan ini gagal?

- A Kerajaan mahu membubarkan PKM
- B PKM ingin terus menentang British
- C Kerajaan mahu PKM mengaku kalah
- D PKM ingin mengambil alih pemerintahan

46 Maklumat di bawah menerangkan tempoh masa darurat di Tanah Melayu.

Darurat
1948 hingga 1960

Apakah kesan penting darurat?

- A Penduduk bangun memberontak
- B Komunis kalah dan menyerah diri
- C Mempercepat pencapaian kemerdekaan
- D Tentera Komanwel berjaya menentang komunis

47 Pihak British telah memberi syarat supaya kerjasama antara kaum diadakan jika Tanah Melayu inginkan kemerdekaan.

Mengapakah British memberikan syarat tersebut?

- A Mengukuhkan kebudayaannya
- B Menghapuskan keganasan komunis
- C Melahirkan masyarakat majmuk
- D Menjamin pelaburan dan ekonominya

48 Maklumat berikut merupakan kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1951.

<ul style="list-style-type: none">• Berumur 18 tahun• Berkelakuan baik• Taat setia kepada Tanah Melayu
--

Apakah bentuk kerakyatan yang dinyatakan?

- A Secara Jus Soli
- B Secara Naturalisasi
- C Secara Permohonan
- D Secara Kuatkuasa Undang-undang

49 Maklumat berikut berkaitan dengan cadangan laporan pelajaran di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Laporan Barnes 1951• Ordinan Pelajaran 1952• Laporan Razak 1956 |
|---|

Mengapakah laporan tersebut dikeluarkan?

- A Melahirkan golongan berpendidikan tinggi
- B Mempelbagaikan sistem pendidikan negara
- C Membentuk semangat perpaduan antara kaum
- D Mewujudkan bangsa Persekutuan Tanah Melayu

50 Maklumat berikut berkaitan dengan Rombongan Merdeka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Diketuai oleh Tunku Abdul Rahman• Mengadakan rundingan dengan pihak British di London• Bermula dari tarikh 18 Januari hingga 8 Februari 1956 |
|--|

Apakah yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam rundingan tersebut?

- I Pelantikan sebuah suruhanjaya bebas
 - II Pengekalan konsep Raja Berperlembagaan
 - III Pelantikan pegawai British dalam pentadbiran
 - IV Pengunduran tentera British dari Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

51 Apakah tujuan Suruhanjaya X ditubuhkan?

Ahli Suruhanjaya X
<ul style="list-style-type: none">• Sir Lord William Reid• Sir Ivor Jennings• Sir William Mckell• Tuan B. Malik• Tuan Abdul Hamid

- A Mendapatkan pandangan masyarakat Sabah
- B Merangka perlembagaan Tanah Melayu
- C Meninjau pandangan penduduk Singapura
- D Mewujudkan kerjasama antara kaum

52 Gambar di bawah berkaitan dengan Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu.



Bagaimanakah Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan?

- A Pengembalian kuasa raja
- B Persamaan hak dalam politik
- C Kelonggaran syarat kerakyatan
- D Kerjasama politik antara kaum

53 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada British.

- Gerard T. MacBryan dihantar untuk mendapatkan tandatangan ketua –ketua bumiputera dan pemimpin tempatan.
- Majlis Negeri meluluskan Rang Undang-Undang Penyerahan Sarawak@ Cession Bill.

Apakah kesan daripada peristiwa di atas terhadap Sarawak?

- A Mengalami masalah kewangan
- B Wujud gerakan antipenyerahan
- C Memulihkan pemerintahan Brooke
- D British berjaya menguasai Sarawak

54 Jadual di bawah menunjukkan tokoh-tokoh wanita yang turut berjasa kepada negara.

Malayan Union	Gerakan Antipenyerahan Sarawak
<ul style="list-style-type: none"> • Cikgu Zahara Abdullah • Halimahton Majid • Datin Puteh Mariah 	<ul style="list-style-type: none"> • Cikgu Lily Eberwein • Dayang Fauziah • Cikgu Ajibah Abol

Apakah persamaan antara tokoh-tokoh tersebut?

- A Memperjuangkan hak kaum wanita
- B Menuntut ditangguhkan kemerdekaan
- C Mempertahankan kedaulatan negara
- D Menentang idea dan pengaruh komunis

[Lihat halaman sebelah

- 55 Gambar di bawah menunjukkan Rosli Dhobi ditangkap kerana menikam Sir Duncan Stewart, Gabenor Sarawak kedua.



Apakah kesan daripada penangkapan tersebut?

- A Tunjuk perasaan secara besar-besaran
 - B Gerakan antipenyerahan semakin lemah
 - C British berundur dari negeri Sarawak
 - D Semua ahli Rukun Tiga Belas dihukum gantung
- 56 Maklumat di bawah berkaitan dengan matlamat perjuangan salah satu parti politik di Sabah.

Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah

Apakah parti politik yang dimaksudkan?

- A Pasok Momogun
 - B Persatuan Cina Sabah (SCA)
 - C Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
 - D Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)
- 57 Jadual di bawah berkaitan dengan langkah ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia.

Tarikh	Peristiwa
Julai 1961	Memberi penerangan kepada pemimpin Sarawak dan Sabah

Namakan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menjalankan tugas tersebut?

- A Jawatankuasa Suruhanjaya PBB
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

58 Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan gagasan Persekutuan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura pada tahun 1961.

Mengapakah beliau mencadangkan gagasan tersebut?

- I Keseimbangan kaum
 - II Mempelbagaikan budaya negara
 - III Menyeragamkan sistem pentadbiran
 - IV Keselamatan dan kestabilan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

59 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh Malaysia pada tahun 1963 hingga 1966.

- Mengadakan rundingan dengan negara terbabit
- Menyusun semula Pasukan Pertahanan Tempatan (Askar Wataniah)
- Membuat bantahan rasmi kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

Mengapakah Malaysia mengambil tindakan tersebut?

- A Konfrantasi
- B Pemisahan Singapura
- C Keganasan Komunis
- D Gerakan Antipenyerahan

60 Pernyataan di bawah berkaitan dengan pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia.

“ kita gembira kerana kita telah dapat menyingkirkan duri dari dalam daging kita”

Tun Abdul Razak

Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya peristiwa tersebut?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mengabaikan hak bumiputera
- C Meragui kebolehan pemimpin
- D Menimbulkan sentimen perkauman

KERTAS SOALAN TAMAT

JPNNS

JAWAPAN SEJARAH PRA PMR 2012

NO	JAWAPAN			
1	A			
2	A			
3				D
4		B		
5		B		
6			C	
7				D
8			C	
9				D
10	A			
11				D
12			C	
13		B		
14	A			
15				D
16				D
17			C	
18		B		
19	A			
20	A			
21			C	
22				D
23		B		
24	A			
25			C	
26		B		
27				D
28		B		
29	A			
30			C	

NO	JAWAPAN			
31	A			
32				D
33	A			
34			C	
35	A			
36		B		
37			C	
38	A			
39				D
40			C	
41		B		
42	A			
43			C	
44		B		
45	A			
46			C	
47				D
48			C	
49			C	
50	A			
51		B		
52				D
53		B		
54			C	
55		B		
56				D
57				D
58		B		
59	A			
60				D